



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.45 | MAGHRIB 6.35 | ISYAK 7.47

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 96

10 OGOS 2022 / 1444 هجری 12

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان MANISNYA IMAN

"KAMU (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan milarang daripada yang mungkar dan kamu beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka ialah orang fasik".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 110.

BELIA PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Ogos. - Tidak syak lagi para belia adalah komponen kritis dalam usaha pembangunan negara selaku *stakeholder* yang dinamik.

'Acuan' yang tepat adalah diperlukan untuk menjadikan golongan belia lebih bersedia dalam memacu pembangunan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menggariskan mengenai perkara itu pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, 2022 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

"Hari ini kita melihat transformasi belia sedang berlaku, dengan mereka itu didapati lebih berwawasan dan berani untuk meneroka bidang-bidang baharu, di antaranya bidang perekonomian, digital, inovasi sosial, agri-bisnes dan industri-kreatif," titah baginda.

Baginda amat gembira apabila golongan belia kita menunjukkan pencapaian prestasi yang membanggakan, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Misalnya, dari sudut pertumbuhan ekonomi, hasil produk usahawan belia telah melangkaui jauh sehingga ke peringkat luar negara, khususnya dalam bidang teknologi komunikasi, pembangunan aplikasi pintar dan perisian (*software*), agri-bisnes, tekstil dan kreatif," titah baginda lagi.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-17, 2022, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Belia pemacu pembangunan negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan HBK Ke-17, 2022, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 1

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah mengalukan-alukan lebih ramai lagi para usahawan belia menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, sebagai usaha memperkasa ekonomi negara.

Dari aspek kepimpinan pula, titah

baginda lagi, para belia kita turut menyandang pengiktirafan dari luar negara atas usaha dan komitmen yang mereka laksanakan, sama ada di peringkat ASEAN maupun antarabangsa, seperti dalam bidang kesukarelawan, kemanusiaan dan kesukanan.

Baru-baru ini, atlet-atlet belia mengharumkan nama negara dengan meraih pingat dan kejayaan, dalam kejohanan sukan prestasi tinggi pada

Kejohanan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-31 di Viet Nam dan The World Games 2022, Birmingham, Amerika Syarikat.

Namun baginda suka mengingatkan, bahawa 'keharuman' nama Negara Brunei Darussalam memang sudah sedia ada, walaupun tanpa meraih sebarang pingat.

Tetapi yang lebih penting bagi kita, tegas baginda, bukanlah mengejar pingat, bahkan sangat utama ialah 'Menjaga Nama Baik Negara' dalam apapun bentuk tindak

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

tanduk atau aktiviti kita.

Tegas baginda lagi, kalaupun hendak menempah kejayaan, maka para belia juga adalah tetap dituntut untuk tidak mengabaikan akhlak yang mulia dan tidak meminggirkan ke tepi calak kebruneian kita : 'Melayu Islam Beraja'.

Kebawah DYMM yakin, inilah wadah atau landasan strategi yang sangat sesuai lagi afdal untuk dilalui oleh para belia kita.

"Jangan fikir, dengan wadah ini kita berundur ke belakang, tidak! Tetapi para belia kita masih sahaja tetap berpeluang untuk melakukan pelaburan berskala besar ke persada yang lebih tinggi dan malah mampu untuk mencetuskan perubahan-perubahan dalam usaha-usaha pemulihian dan perkembangan ekonomi," tegas baginda lagi.

Pada kesempatan ini, Kebawah DYMM juga menyeru semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta serta masyarakat secara amnya untuk terus mendukung pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi, demi memastikan pelaksanaan serta kejayaan program yang dirancang menepati sasaran.

Untuk akhirnya, baginda juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka, dalam sama-sama membangun dan memajukan negara.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN HBK KE-17



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-17 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan baginda bersama paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan pada majlis tersebut (kiri dan atas).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 9 Ogos. - Hari Belia Kebangsaan (HBK) yang disambut pada setiap 1 Ogos merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia di negara ini, di mana para belia berkumpul dengan tujuan yang bermakna. Generasi belia merupakan penggerak utama kepada kemajuan bangsa dan negara.

Sehubungan itu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Sambutan HBK Ke-17 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas setentunya memberikan makna yang sungguh mendalam kepada para belia di negara ini dan sebagai suntikan semangat para

belia untuk terus mengandakan usaha dalam menyumbangkan tenaga dalam sama-sama mencapai matlamat utama Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 serta Wawasan Brunei 2035.

Berangkat sama pada majlis sambutan tersebut ialah paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran

Muda Mohamed Bolkiah. Menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Kali Ke-17, Tahun 2022 dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

>> Muka 4

2022, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Timbalan Menteri Tenaga, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Kali Ke-17, Tahun 2022 dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas), sementara gambar kiri, antara yang hadir memeriahkan majlis berkenaan.



BACAAN IKRAR Belia diketuai oleh Pembaca Utama, Pengusaha Tambang.BN, Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad dan Pengiring, lepasan graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Iqbal Syakib bin Haji Syuib dan Pengiring II, Pegawai Psikologi Pendidikan di Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Salimatus Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh serta Persembahan Khas Belia oleh Kumpulan Koir 'Astaka Darussalam' seramai 14 belia dari gabungan alumni mahasiswa dan mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan Permata Permai turut menyemarakkan majlis tersebut (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan HBK Ke-17, 2022, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 3

Sejurus keberangkatan, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin

Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seterusnya majlis diikuti dengan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Pada majlis itu, Ikrar Belia dibacakan oleh seramai 50 belia yang terlibat dalam kesukarelawanan dan mempunyai pencapaian dalam

pelbagai bidang yang terdiri dari Institusi Pendidikan, Persatuan Beruniform, Persatuan dan Kelab dan Alumni-alumni.

Bacaan Ikrar Belia diketuai oleh Pembaca Utama, Pengusaha Tambang.BN, Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad dan Pengiring, lepasan graduan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Iqbal Syakib bin Haji Syuib dan Pengiran II, Pegawai Psikologi Pendidikan di Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Salimatus Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Belia Cemerlang kepada Pensyarah / Ketua Unit Perancangan Strategik / Ketua Unit Pembangunan Profesional, UNISSA / Pegawai Perhubungan Awam, Strayholders, Dr. Awang Mohd. Hilmy Bahagyi bin Haji Awang Yussof; dan Anugerah Belia Berkhidmat kepada Pemangku Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan / Pengerusi dan Pengasas Bersama Projek Bina Ukhwah dan Projek FEED/ Pengasas Program Bina Ukhwah Training Series, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Muda Belia kepada Ketua Kampung Sengkarai, Tutong / Kumpulan IMPAK Tutong / Badan Kemajuan Kreatif (BKK), Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia kepada Agus Muslim dengan Projek Bloodkad (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai bersama para peserta Pameran Hari Belia dan baginda juga berkenan mendengar sembah penerangan daripada salah seorang peserta pameran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, 2022 (kiri dan kanan).

>> Muka 4

Majlis disusuli dengan tayangan video yang memaparkan perjalanan individu yang mempunyai cabaran berbeza di mana ada yang kecundang di tengah jalan tetapi masih ramai yang bangkit dan berjaya.

Penceritaan yang dipamerkan itu diharap akan menjadi pembakar semangat dan meningkatkan motivasi kepada belia untuk terus mengapai impian demi agama, membangun bangsa dan negara ke arah mendukung usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Turut menyerikan sambutan, Persembahan Khas Belia oleh Kumpulan Koir 'Astaka Darussalam' seramai 14 belia dari gabungan alumni mahasiswa dan mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan Permata Permai.

Acara kemuncak sambutan ialah Penyampaian Anugerah HBK 2022 dalam empat kategori iaitu Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia dan Projek Cemerlang Untuk Belia yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Penerima-penerima Anugerah HBK dalam Kategori Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia juga menerima sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND3,000.

Manakala dalam Kategori Projek Cemerlang Untuk Belia menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang tunai bagi perkembangan dan pembangunan projek sebanyak BND3,500.

Penerima-penerima Anugerah HBK dalam Kategori Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia

masing-masing telah menerima sebuah trofi, Kain Tenunan Brunei yang direka khas dan eksklusif. Keistimewaan kain tenunan yang diterima adalah reka bentuk Kain Jong Sarat dan corak susunan Bunga Bertabur digunakan dengan penyusunan bunga dan motif yang menjurus kepada cerminan sifat positif diri belia dalam segala aspek ke arah mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

Untuk penerima Anugerah Belia Cemerlang Tahun 2022, Kain Jong Sarat yang diterima adalah Kain Jong Sarat Bunga Bintang Gemilang. Untuk penerima Anugerah Belia Berkhidmat, Kain Jong Sarat yang diterima adalah Kain Jong Sarat Permata Bangsa. Manakala bagi penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia, Kain Jong Sarat yang diterima adalah Kain Jong Sarat Bunga Kebahagiaan.

Penerima-penerima Anugerah HBK dalam Kategori Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia juga menerima sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND3,000.

Manakala dalam Kategori Projek Cemerlang Untuk Belia menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang tunai bagi perkembangan dan pembangunan projek sebanyak BND3,500.

Penerima Anugerah Belia

Cemerlang diberikan kepada Pensyarah / Ketua Unit Perancangan Strategik / Ketua Unit Pembangunan Profesional, UNISSA / Pegawai Perhubungan Awam, Strayholders, Dr. Awang Mohd. Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Penerima Belia Berkhidmat diberikan kepada Pemangku Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan / Pengerusi dan Pengasas Bersama Projek Bina Ukhwah dan Projek FEED/

Pengasas Program Bina Ukhwah Training Series, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Haji Sellahuddin.

Manakala penerima Pemimpin Muda Belia diberikan kepada Ketua Kampung Sengkarai, Tutong / Kumpulan IMPAK Tutong / Badan Kemajuan Kreatif (BKK), Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Seterusnya, penerima Projek Cemerlang Untuk Belia diberikan kepada Agus Muslim dengan

Projek Bloodkad. Bloodkad merupakan satu aplikasi yang membantu menyelesaikan proses pendermaan darah secara digital agar dapat diuruskan dengan cepat, efisien dan pengurangan penggunaan kertas dari segi pendaftaran penderma darah, pengisian borang pemeriksaan kesihatan dan tempahan slot menderma.

>> Muka 6



KEBAWAH DYMM bersama paduka anakanda baginda berkenan menerima sembah penerangan daripada para peserta Pameran Hari Belia berkenaan (atas sekali kanan dan kanan), sementara gambar atas, baginda berkenan beramah mesra bersama para belia yang hadir.



KEBAWAH DYMM bersama paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai bersama para penerima anugerah pada Sambutan HBK Ke-17, Tahun 2022.

>> Muka 5

Kain-kain Tenunan Brunei tersebut merupakan salah satu hadiah iringan yang diterima oleh setiap penerima individu anugerah sempena Sambutan HBK sejak tahun pertama majlis diadakan pada tahun 2006.

Kain Tenunan Brunei adalah salah satu khaianah warisan budaya Melayu yang diwarisi turun-temurun dalam masyarakat kita sehingga ke hari ini.

Mulai Sambutan HBK Ke-17, KKBS telah membuat penambahsuaian dengan memperkenalkan reka bentuk Kain Tenunan Brunei yang dicipta secara khusus dan ekslusif untuk penerima anugerah bagi

Kategori Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Pameran Hari Belia yang memfokuskan kecemerlangan belia yang melakar nama dalam bidang keusahawanan, teknologi dan inovasi serta belia yang bejaya dan berpotensi menembusi pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa.

Sebanyak empat kluster utama dipilih dalam tema pameran Hari Belia kali ini termasuk Gaya Hidup (Lifestyle), Ilm (Knowledge), Teknologi (Tech & Innovation) dan Pembangunan Mampan (Sustainable Development).

Baginda seterusnya dijunjung bagi menandatangi Lembaran Kenangan dan berkenan menerima pesambahan daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-17, Tahun 2022.

Setelah itu, baginda berserta kerabat diraja dijunjung bagi Majlis Santap. Sebelum berangkat meninggalkan majlis baginda dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar kenangan.

Konsep Sambutan HBK tahun ini memfokuskan kepada keusahawanan dan teknologi dan tema sambutan pula ialah 'Belia Siaga Masa Depan'.

Tema HBK pada tahun ini dikekalkan seperti tahun 2019, 2020 dan 2021 kerana tema ini masih dilihat relevan dengan situasi sekarang.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab bersepudu antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara.

Mempertajam, meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan menjadi strategi negara yang harus dilaksanakan bersungguh-sungguh bagi melahirkan belia yang cemerlang.

Tema pada tahun ini juga bertepatan dengan pengisytiharan tahun 2022 sebagai Year of ASEAN Youth dan

selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035.

Peranan belia adalah penting bagi menyumbang kepada pembangunan sumber tenaga manusia dan komuniti di samping memastikan penglibatan aktif golongan ini ke arah keamanan serta mengukuhkan persefahaman bagi mendukung aspirasi One ASEAN Identity. Para belia juga perlu meningkatkan penggunaan kemahiran Abad Ke-21 serta kemahiran digital.

Dalam pada itu, beberapa acara sampingan juga telah pun disusun bagi sama-sama memeriahkan lagi Majlis Sambutan HBK.

Antaranya, Konvensyen Hari Belia yang diadakan bermula 9 Ogos 2022 hingga 11 Ogos 2022 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Konvensyen ini bertujuan untuk menjadi wadah aktiviti pertemuan para intelektual, penggiat (mengikut bidang), belia, profesional, usahawan dalam sama-sama isu-isu semasa serta amalan terbaik dan membincangkan berkongsi-kongsi kemahiran.

Konvensyen ini akan mengetengahkan tajuk-tajuk perbincangan dan intelektual yang terpilih dalam kalangan profesional, usahawan belia serta pakar-pakar dalam bidang

ekonomi, industri kreatif dan digitalisasi serta inovasi bagi mengongsikan pandangan dan ilmu yang bermanfaat untuk para belia secara amnya.

Di samping itu, Majlis Doa Kesukuran (Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesukuran) telah diadakan pada Khamis, 28 Julai 2022 bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri.

Seterusnya, Khutbah Jumaat Khusus sempena Sambutan HBK Ke-17 pada Jumaat, 5 Ogos 2022 dan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja sempena Sambutan HBK Ke-17, Tahun 2022 telah diadakan pada Isnin, 1 Ogos 2022 lalu dan Festival Hari Belia akan diadakan sehingga bulan Disember 2022 di keempat-empat daerah.

Festival Hari Belia merupakan salah satu aktiviti yang akan diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan HBK pada tahun ini.

Festival ini akan dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan 'Dari Belia Untuk Belia'. Sebanyak 17 aktiviti berimpak tinggi akan dilaksanakan dengan melibatkan beberapa rakan strategik baik dari agensi kerajaan, agensi swasta dan pergerakan belia. Festival ini akan diadakan bermula 1 Ogos sehingga Disember 2022.



KEBAWAH DYMM dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan berkenan menerima pesambahan daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-17, Tahun 2022 (atas, bawah dan kanan).



PERKASA BELIA NASIONAL MENUJU PEMBANGUNAN BELIA ANTARABANGSA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Sambutan HBK Ke-17.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 9 Ogos. - Pembangunan belia pada masa ini, berada dalam tahap baik mengikut ukuran Indeks Pembangunan Belia.

Pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 dan Pelan Tindakan 2020-2024 yang antara lain bertujuan untuk menjana belia yang siaga masa depan juga sedang giat dilaksanakan, yang merupakan hasil kerjasama kukuh dan akauntabiliti yang tinggi dengan berstrategikan pendekatan senegara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-17, Tahun 2022 menyembahyang dalam sembah alu-aluan pada Majlis Sambutan HBK Ke-17 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

"Alhamdulillah, sejumlah sembilan puluh peratus program yang dirancang dalam Pelan Tindakan Dasar Belia

Negara dan Strategi 2020-2035 telah mencapai sasaran pelaksanaannya atau berjalan secara berterusan.

"Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terlibat dalam perlaksanaan Pelan Kerja 5 tahun Belia di peringkat ASEAN.

"Pelan Kerja ini telahpun disahkan oleh Mesyuarat Menteri-menteri Belia ASEAN dan dijangka akan dihadapkan untuk pengesahan ketua-ketua negara dalam Mesyuarat Kemuncak ASEAN Kali Ke-41 dan Mesyuarat Kemuncak ASEAN Plus Three tahun ini.

"Pelaksanaan Pelan Kerja ini akan dapat melengkapkan usaha-usaha memperkasa belia di peringkat nasional untuk menuju pembangunan belia bertaraf antarabangsa.

"Dengan terlaksananya program dan aktiviti berkenaan, adalah disasarkan pembangunan belia yang diukur dengan Indeks Pembangunan Belia akan meningkat kepada tahap lebih baik dengan pencapaian mata 75 peratus pada tahun 2023 nanti,"

sembah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Di samping itu, sembah Yang Berhormat, ia juga bertepatan dengan pengisytiharan tahun 2022 sebagai tahun belia ASEAN (Year of ASEAN Youth) yang mengetengahkan dan mengesahkan komitmen ASEAN dalam agenda pemerkasaan dan pembangunan belia.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menyembahyang bahawa tema Sambutan HBK Ke-17 masih mengekalkan tema pada tahun lepas iaitu 'Belia Siaga Masa Depan'.

Tema ini masih relevan dikekalkan dan selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat belia Brunei sentiasa bersiaga menghadapi cabaran masa depan khususnya dalam konteks Revolusi Industri Keempat dan perkembangan ekonomi digital dalam norma baharu yang banyak menghamparkan peluang dan perubahan.

Belia yang siaga masa depan adalah belia yang mempunyai kualiti luaran dan dalaman, berani mendepani perubahan serta

menerokai bidang-bidang baharu yang bukan sahaja dapat menaikkan taraf hidup mereka sendiri malah dapat melonjakkan pembangunan masyarakat, bangsa dan negara ke tahap yang lebih tinggi dan mapan.

Yang Berhormat juga menyembahyang, Majlis Sambutan HBK pada tahun ini disasarkan akan dapat melibatkan seramai 100,000 belia dari seluruh negara secara inklusif melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti utama dan sampingan di sepanjang tahun ini.

Belia juga terlibat dalam Pameran Hari Belia yang memfokuskan kecemerlangan belia yang melakar nama dalam bidang keusahawanan, teknologi dan inovasi serta belia yang bejaya dan berpotensi menembusi pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa. Sebanyak 4 kluster utama dipilih dalam tema pameran Hari Belia kali ini termasuk Gaya Hidup (Lifestyle), Ilm (Knowledge), Teknologi (Tech & Innovation) dan Pembangunan Mampan (Sustainable Development).

Sambutan kali ini juga turut diberi nilai tambah dengan pengendalian Konvensyen Belia

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-17, Tahun 2022 dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Sambutan HBK Ke-17 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (bawah).



Brunei yang dijangka akan menarik penyertaan lebih 500 belia dari pelbagai latar belakang. Konvensyen ini akan mengetengahkan tajuk-tajuk perbincangan dan intelektual yang terpilih dalam kalangan profesional, usahawan belia serta pakar-pakar dalam bidang Gig Ekonomi, Industri Kreatif dan Digitalisasi dan Inovasi untuk mengongsikan pandangan dan ilmu untuk manfaat para belia secara amnya.

Dalam pada itu, untuk julung-julung kalinya tahun ini. Festival HBK 2022 turut dilaksanakan bertujuan dalam memeriahkan dan menyemarakkan lagi Sambutan HBK Ke-17, 2022. Festival ini dilaksanakan selama lima bulan mulai bulan Ogos hingga Disember 2022 yang akan menumpukan kepada tujuh kluster iaitu Keagamaan; Kepimpinan dan Pembangunan Jati Diri Belia; Kesukarelawanan dan Kemasyarakatan; Kebudayaan dan Kesenian; Keusahawanan; Alam sekitar dan Kesukanan yang turut mendukung kepada pembangunan dan pemerkasaan belia di negara ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menyembahyang ucapan tahniah kepada semua penerima anugerah dan berharap agar penerima-penerima anugerah berkenaan akan terus mengorak langkah, memperteguh iltizam, mencurahkan bakti demi kelangsungan transformasi Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menjadi sumber inspirasi kepada belia-belia yang lain.

Yang Berhormat berharap Sambutan HBK akan terus menjadi wadah untuk meningkatkan kesedaran perihal kepentingan untuk melibatkan diri, sentiasa bekerjasama sebagai satu pasukan dalam persatuan-persatuan belia dalam usaha-usaha pembangunan belia dan negara amnya serta aktiviti kesukarelawanan khususnya.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan HBK Ke-17 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan kanan).

PAMERAN HARI BELIA TUMPUKAN 4 KLUSTER UTAMA



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Hari Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, 2022.

Berangkat sama menyaksikan pameran yang diadakan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas ialah Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan dan mendengar sembah penerangan pada Pameran Hari Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-17, 2022 (atas dan kiri).

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Pameran tersebut dibahagikan pada empat kluster utama, iaitu Kluster Gaya Hidup (Lifestyle); Ilm (Knowledge); Teknologi (Innovation & Tech); dan Pembangunan Mampan (Sustainable Development).

Dalam pameran ini memfokuskan pada

kecemerlangan belia yang melakar nama dalam meneroka Bidang Keusahawanan, Teknologi dan Inovasi, serta kajian dan reka cipta yang berjaya menempah nama di arena serantau serta antarabangsa.

Selain itu, ia juga mempamerkan belia yang berjaya serta berpotensi menembusi pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa, termasuk jumlah aspek revenue, kolaborasi serta projek yang dilaksanakan.

Bagi Kluster Pembangunan Mampan, booth ini mempamerkan penglibatan belia dalam inisiatif hijau yang menyokong ke arah pembangunan mampan serta kluster ini melibatkan agensi kerajaan, terutama pihak Climate Change Secretariat dan My Actions for SDGs (Pergerakan Belia) dan Green Brunei.

Kluster Gaya Hidup pula mempamerkan Niche Reka Cipta serta Product Design dari perekra belia yang berjaya melakar nama di arena serantau dan antarabangsa, termasuk dari aspek pemberian interior designing, product design dan arhitectural.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan mendengar sembah penerangan serta menyaksikan lebih dekat Pameran Hari Belia (atas kiri, atas, kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda serta adinda baginda berkenan bergambar ramai bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-17, 2022.

>> Muka 8

Seterusnya, Kluster Ilm mempamerkan High Impact Result dan Emerging Technologies, hasil ciptaan/karya para pelajar dari institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei

Darussalam, yang memperlihatkan kebolehan para cendekiawan muda Brunei yang berpotensi, dalam menyumbang ke arah kemajuan dan *survivability* negara serta masyarakat.

Kluster ini disertai oleh Politeknik Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD),

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Sementara itu, Kluster Teknologi mengetengahkan

pencapaian belia di dalam Bidang Teknologi dan Inovasi yang memberikan impak dalam memacu perkembangan sosioekonomi, pertanian dan peluang pekerjaan.

Ini termasuk pembinaan / penggunaan teknologi yang membantu golongan yang

memerlukan, terutama bagi kesejahteraan (*well-being*) Orang Kelainan Upaya.

Kluster berkenaan disertai oleh Eco-Agro Farm, Mori Farm, Ibnu Anwari, De Kapok Farm, Rumine Corporations, Matters of Choice, GoMamam dan Inisiatif AITI.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sembah penerangan dan melihat lebih dekat pameran pada Sambutan HBK berkenaan (kiri, atas, bawah kiri dan bawah).





SESI Youth Town Hall Brunei Edisi Ke-3 yang bertemakan 'Leading in Times of Uncertainty' memberikan peluang kepada para belia untuk berinteraksi bersama dua Menteri Kabinet di negara ini, iaitu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Ogos. - Lebih 150 peserta menghadiri Sesi Youth Town Hall Brunei Edisi Ke-3 anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Rangkaian Profesional Muda (Young Professional Networks - YPN) Brunei, di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Sesi yang juga diadakan secara maya itu, merupakan satu platform yang ditubuhkan pada tahun 2020 bersempena Hari Belia Kebangsaan untuk menerapkan pemikiran untuk mendorong jalan penyelesaian dan pemikiran ke depan serta komuniti belia kolaboratif yang bersemangat untuk menyumbang pada pembangunan negara.

Edisi Ke-3 ini membawa tema, 'Leading in Times of Uncertainty' memberikan peluang kepada para belia untuk berinteraksi bersama dua Menteri Kabinet di negara ini, iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama,

Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Tempoh ketidakpastian dan krisis selalunya merupakan tempoh perhitungan serta peluang untuk merenung dan mempelajari pelajaran berharga serta mendedahkan peluang baharu.

Tema tersebut juga menyeru para belia untuk mengatasi gangguan yang dibawa oleh COVID-19 melalui pembangunan kesiapsiagaan dan daya tahan wabak itu masih menular di seluruh dunia.

Sesi berkenaan memberi peluang kepada belia untuk mendengar daripada Yang Berhormat Menteri-menteri tentang perjalanan mereka, dalam menerajui masa ketidaktentuan dan memahami kepentingan

menyesuaikan diri dengan normal baharu ini serta meningkatkan diri untuk menjadi ejen perubahan yang bersedia untuk masa hadapan.

Semasa sesi tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, antara lain mengongsikan mengenai perjalanan kerjaya dan kepimpinannya, dakwah dalam kalangan belia, pemuliharaan nilai-nilai kebangsaan kita Melayu Islam Beraja (MIB) serta peralihan kepimpinan pada masa lalu dan baru-baru ini dalam keadaan tidak menentu.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut mengongsikan perjalanan kerjaya dan kepimpinannya dalam Bidang Perubatan dan Perkhidmatan Awam, di samping menekankan tentang kepentingan kesihatan mental, pengurusan masa dan keseimbangan kerja-kehidupan sebagai seorang pemimpin.

Sesi tersebut dipengerusikan oleh Pengasas Bersama YPN Brunei, Dayang Fatin binti Arifin.

Antara yang hadir ke sesi tersebut, Menteri Kebudayaan,

Bangun kesiapsiagaan, daya tahan atasi gangguan



ANTARA yang hadir ke sesi tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; serta

Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai KKBS.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Youth Town Hall sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

KESABARAN ATAU SEMANGAT PENTING



PENERIMA Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia, Awang Agus bin Muslim.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Selasa, 9 Ogos. - Para belia di Negara Brunei Darussalam diseru untuk meneroka peluang-peluang yang ada, terutama dalam Bidang Digitalisasi.

Perkara itu, antara yang disarankan oleh penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan, Awang Agus bin Muslim, yang dikurniakan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, 2022, yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

PENERIMA Anugerah Belia Berkhidmat, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.



PENERIMA Anugerah Pemimpin Muda Belia, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Beliau menambah manfaat Bloodkad adalah untuk menolong mendigilitasi cara pendermaan darah, namun bagi hospital pula adalah untuk mengurangkan kos proses pendermaan darah juga menambah stok darah dengan lebih efisien dengan pengurusan data dan teknologi, yang disediakan dalam inventori serta data makmal.

Penerima Anugerah Belia Cemerlang, Dr. Awang Mohd. Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof dalam temu bual Pelita Brunei melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kehendaknya dianugerahkan Anugerah Belia Cemerlang Tahun 2022.

Pada kesempatan ini, Dr. Awang Mohd. Hilmy Baihaqy juga menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengurniakan anugerah pada tahun ini.

Katanya, anugerah tersebut adalah satu penghargaan

Sementara itu, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akbar bin Pengiran Haji Sellahuddin yang dikurniakan Anugerah Belia Berkhidmat mengongsikan sepanjang 20 tahun berkhidmat sebagai sukarelawan belia, terutama di dalam pelbagai persatuan, antaranya Brunei Darussalam AIDS Council / Projek Bina Ukhwah / Projek FEED, di mana kita bukan sahaja melihat anugerah berkenaan, tetapi adalah pencapaian dari segi impak projek kepada masyarakat.

Melalui Projek Bina Ukhwah, menurutnya, setakat ini lebih daripada 10 buah rumah diperbaiki dan mengendalikan mentor program bagi keluarga-keluarga

yang kurang berkemampuan, iaitu dengan menjana pendapatan yang lebih mampan.

Justeru, untuk menarik para belia dan sukarelawan untuk menceburkan diri dalam Bidang Sukarelawan adalah keserasian projek tersebut kepada belia yang ingin mengikuti projek-projek yang ada, di mana apa yang penting adalah kesabaran atau semangat yang ada dalam diri para belia tersebut untuk meneruskan apa yang ada dalam ketabahan diri belia terbabit.

"Kita sepatutnya lebih fokus kepada macam mana *kitani* mencipta projek itu untuk lebih mesra belia," tambah Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akbar.

Bagi penerima

Anugerah Pemimpin Muda Belia, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkata, anugerah itu adalah satu penghargaan kerana pencapaian dan pengalaman yang dibuat selama ini dan selaku Ketua Kampung Sengkarai yang dipimpin.

"Terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Daerah Tutong, Badan Kemajuan Daerah Tutong, selaku Kumpulan Impak Daerah Tutong," katanya.

Oleh itu, beliau merancang untuk meneruskan dalam melakukan aktiviti-aktiviti dan memimpin belia-belia di Daerah Tutong dan di daerah yang lain agar terus maju ke hadapan serta mereka dapat berusaha lagi untuk menjadi satu pemimpin kerana belia-belia adalah bakal pemimpin di masa hadapan.



PENERIMA Anugerah Belia Cemerlang, Dr. Awang Mohd. Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

mempamerkan pencapaian serta hala tuju dasar belia negara sebagai panduan ke arah memperkuatkannya pembangunan ekosistem kebeliaan di negara ini.

Manakala, Aplikasi Mengalinga, tambahnya, adalah kerjasama di antara KKBS dengan Baiduri Bank yang mempamerkan video animasi mengenai Penambahbaikan (Enhancement) pada aplikasi berkenaan.

Selain itu,

Pameran

Hari Belia

Kebangsaan

tahun ini juga,

ujarnya,

mempamerkan

lima Projek

Cemerlang

untuk Belia

yang

diusahakan

oleh para belia

DAYANG Tina Afiqah binti Asrul Saniy dari Parabelle Studios.

tempatan bagi membarangkan kejayaan serta pencapaian mereka, di mana projek ini dinilai mengikut kriteria-kriteria yang digariskan dalam memastikan mereka layak untuk dipamerkan.

Sementara, Dayang Tina Afiqah binti Asrul Saniy dan Dayangku Nurul Hidayah binti Pengiran Haji Azhar dari Parabelle Studios yang mengetengahkan pelbagai buku cerita dongeng supaya generasi baharu akan mengetahui dan berminat

dalam buku cerita berkenaan. Menurut

mereka, ia adalah untuk mendorong mereka untuk minat membaca buku, khususnya buku cerita dongeng.

Tujuan pameran katanya adalah untuk mengetengahkan buku-buku yang dihasilkan, antaranya 'Bubble Princess and Stone Heart' (Lela Menchanai) dan bermacam-macam lagi.

Dalam pada itu, Dayang Tina Afiqah berharap orang ramai akan menyokong usaha dan minat mereka dalam menghasilkan karya cerita dongeng dalam versi Inggeris.

"Perancangan akan datang untuk memuatkan terjemahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu bagi memudahkan kanak-kanak peringkat bawah umur," ujarnya lagi.

Sebarang pertanyaan dan untuk mendapatkan buku-buku cerita dongeng melayari Instagram, @parabelle.studio.



AWANG Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian, Penyelaras Bersama Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17.

BERAKAS, Selasa, 9 Ogos. - Tiga pameran khusus, iaitu Youth Entreprenuership Ecosystem (YEE), Dasar Belia Negara dan

Strategi 2020-2035 dan Aplikasi Mengalinga merupakan inisiatif kerajaan, iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan agensi-agensi lain.

Penyelaras Bersama Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17, Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian menggariskan perkara itu ketika ditemu bual Pelita Brunei semasa Pameran Hari Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, 2022, yang berlangsung di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Beliau menjelaskan, YEE, iaitu kaunter maklumat yang menyediakan informasi mengenai dengan perkhidmatan, di bawah Youth Entreprenuership Steering Committee. Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, katanya,

mempamerkan pencapaian serta tempatan bagi membarangkan kejayaan serta pencapaian mereka, di mana projek ini dinilai mengikut kriteria-kriteria yang digariskan dalam memastikan mereka layak untuk dipamerkan.

Sementara, Dayang Tina Afiqah binti Asrul Saniy dan Dayangku Nurul Hidayah binti Pengiran Haji Azhar dari Parabelle Studios yang mengetengahkan pelbagai buku cerita

dongeng supaya generasi baharu akan mengetahui dan berminat dalam buku cerita berkenaan. Menurut

